

218

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

SOALAN : NO. 180

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

(a) usaha Kementerian dalam memperkasakan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini yang menjadi antara agenda utama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam usaha melahirkan lebih ramai golongan yang menciptakan peluang pekerjaan pada masa depan berbanding mencari pekerjaan; dan

(b) perkembangan program Global E-Commerce Talents (GET) 'Train the Trainer' dalam usaha mendedahkan ilmu industri e-dagang global secara lebih mendalam kepada peserta dan mahasiswa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memantapkan pendidikan keusahawanan melalui inisiatif *Job Creator Framework* di bawah Lonjakan 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan.

KPT juga telah menghasilkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 untuk melaksanakan inisiatif tersebut dengan memberi penekanan terhadap pengukuhan ekosistem pendidikan tinggi untuk membangunkan graduan berciri keusahawanan unggul. Di samping itu, keusahawanan telah dijadikan sebagai agenda

dan petunjuk prestasi utama di kesemua Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.

Melalui tagline *Learn, Unlearn, Relearn Entrepreneurship & Innovation*, inisiatif *Job Creator Framework* dilaksanakan secara holistik dan berstruktur dengan berfokuskan kepada program pembudayaan keusahawanan (*enculture*), program pengukuhan keusahawanan (*empower*) dan program sokongan keusahawanan (*equip*).

Pada tahun 2017, KPT telah menambahbaik modul Kursus Asas Keusahawanan untuk dilaksanakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kepada pelajar dalam semua bidang pengajian berdasarkan input yang relevan dengan polisi dan perkembangan ekonomi semasa. Selain itu, KPT akan terus mengadakan kerjasama strategik dengan kementerian, agensi dan industri seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, CELCOM, Alibaba Business School, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Pusat Inovasi dan Kreativiti, Start-Up Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Yayasan Enactus dalam melaksanakan program latihan keusahawanan dan keusahawanan sosial. Program-program keusahawanan yang dilaksanakan ini berkonsepkan *Learn & Earn* merupakan pembelajaran melalui pengalaman di samping menjana pendapatan sendiri. Pelajar akan turut dilengkapi dengan kemahiran 4C iaitu *critical thinking, communication, collaboration* dan *creativity* bagi mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0.

Menjelang tahun 2020, KPT mensasarkan sebanyak 15% pelajar menjalankan perniagaan dan aktiviti keusahawanan semasa dalam pengajian dan 5% graduan menjadi usahawan setelah tamat pengajian.

279

(b) Susulan daripada pelaksanaan program *Global eCommerce Talent (GET): Train-The-Trainer* Siri 1 yang telah diadakan pada bulan Januari yang lalu, enam IPTA yang terlibat iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Politeknik dan Kolej Komuniti telah menyediakan pelan tindakan pelaksanaan modul GET tersebut di peringkat institusi masing-masing serta mewujudkan atau menambahbaik inkubator e-dagang bagi kemudahan latihan praktikal untuk pelajar.

Selain itu, KPT juga sedang bekerjasama dengan Alibaba Business School untuk membangunkan modul GET Malaysia untuk digunapakai oleh semua IPT tempatan. Peserta-peserta GET ini juga akan mewujudkan *Malaysia GET Learning Community* ke arah perkongsian amalan terbaik, pedagogi atau kaedah pengajaran dalam pembelajaran keusahawanan e-dagang global bagi memastikan sasaran melahirkan usahawan eCommerce dalam kalangan pelajar IPT dapat dicapai. Pada tahun ini, KPT juga akan melaksanakan program GET Siri 2 kepada tenaga pengajar akademik bagi institusi yang belum menyertainya.

SOALAN (181)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

SOALAN :-

YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan;

- a) Perkembangan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) yang diperkenalkan Kerajaan untuk membantu rakyat membeli rumah bagi kali pertama dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM200 juta; dan
- b) Jumlah pemohon yang layak berdasarkan syarat-syarat skim MyDeposit yang membolehkan mereka menerima insentif 10% daripada harga rumah atau maksimum RM30 ribu mengikut mana yang lebih rendah .

221

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) telah dilaksanakan mulai 7 April 2016. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 1,474 pemohon telah mendapat manfaat daripada insentif ini dengan jumlah sumbangan deposit oleh Kerajaan sebanyak RM39.55 juta.

Di bawah Rolling Plan Ke-3, RMK Ke-11, sejumlah RM25 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan Skim MyDeposit 2018. Kementerian mengunjurkan sebanyak 833 pemohon akan menerima manfaat daripada Skim MyDeposit 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, permohonan Skim ini telah dibuka mulai 15 Disember 2017 sehingga 15 Februari 2018. Kementerian telah menerima sejumlah 2,414 permohonan melalui Sistem Pengurusan

Perumahan Negara (SPRN). Keputusan bagi permohonan Skim MyDeposit
2018 akan diketahui sebelum penghujung Mac 2018.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018

2234

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB DATO' KAMARUL BAHARIN ABBAS**
[TELOK KEMANG]
SOALAN : **182**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) perkembangan Program Pendidikan Sains Tidak Formal PSN (*Informal Science Learning* PSN) yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memberikan perkongsian dunia sains dan teknologi kepada para pelajar secara lebih holistik; dan
- (b) usaha Kementerian untuk merakyatkan STI (humanising STI) khususnya di kalangan inovator generasi muda yang menjurus kepada pembentukan the minds of innovation selaras dengan Pelan Strategik MOSTI 2016-2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Sains Negara (PSN) sebuah Institusi Pendidikan Sains Tidak Formal di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) giat melaksanakan pelbagai program untuk memasyarakatkan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) secara holistik terutamanya kepada

golongan pelajar di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi (IPT).

Isu yang sering ditimbulkan pada masa kini adalah kurangnya minat pelajar terhadap pendidikan sains formal di sekolah dan universiti seterusnya menyumbang kepada penurunan peratusan pelajar yang mengambil jurusan sains berbanding bukan sains.

Dalam hubungan ini, PSN memainkan peranan penting dalam penyampaian pendidikan sains tidak formal bagi pemantapan pembelajaran berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Program pendidikan sains tidak formal yang dibangunkan oleh PSN dapat melengkapinya pendidikan formal di sekolah di mana ia dirangka supaya mudah difahami serta diterima oleh pelajar.

Tuan Yang di-Pertua,

PSN juga sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan yang lain, badan bukan kerajaan, pihak swasta dalam dan luar negara untuk menganjurkan program-program yang berbentuk perkongsian bestari. Sebagai contoh, Pertandingan Robot Tempur Malaysia yang dianjurkan bersama pihak swasta telah dapat menarik penyertaan seramai 40 pasukan setiap tahun yang terdiri daripada IPT dan Institut Latihan Perindustrian seluruh Malaysia. Aktiviti berkonsepkan pertandingan ini merupakan antara salah satu elemen pembelajaran sains tidak formal yang diterapkan PSN bagi meningkatkan minat pelajar dalam bidang sains.

2018

Selain itu, PSN turut menyediakan program jangkau luar yang merupakan program khas bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat yang berada di kawasan pedalaman merasai pengalaman dan memperoleh faedah daripada program pendidikan sains tidak formal PSN.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan Pelan Strategik MOSTI 2016-2020, empat (4) strategi utama kementerian untuk merakyatkan STI (*humanising STI*) khususnya di kalangan inovator generasi muda yang menjurus kepada pembentukan the *minds of innovation* iaitu:

Pertama, penghebatan program pembudayaan STI. MOSTI berperanan untuk melaksanakan pelbagai program pembudayaan STI antaranya Program Kreativiti dan Sains4u yang telah dilaksanakan bermula tahun 2012. Pada tahun 2017, sebanyak empat siri program *Kreativiti dan Sains4u* telah dilaksanakan melibatkan Zon Utara, Selatan, Sabah dan Sarawak;

Kedua, pengiktirafan STI *Talent*. MOSTI turut menganjurkan Anugerah Inovasi Negara (AIN), Anugerah Saintis Muda dan Anugerah Juruteknologi Negara. Pada tahun 2017, pihak MOSTI menerima sebanyak 577 pencalonan bagi AIN, 52 pencalonan bagi Anugerah Sainstis Muda dan 10 pencalonan bagi Anugerah Juruteknologi Negara;

Ketiga, memperbanyakkan penerbitan media dan memperluaskan penyebaran maklumat menggunakan pelbagai saluran media sosial; dan

Keempat, penilaian keberkesanan program pembudayaan STI MOSTI. Pada tahun 2017, seramai 3622 responden telah dipilih secara rawak untuk menilai program yang dianjurkan. Hasil daripada analisis yang dijalankan, didapati sebanyak 82.1% responden sedar terhadap program pembudayaan STI yang dijalankan oleh MOSTI.

Sehubungan itu, adalah diharapkan melalui inisiatif dan peranan yang dijalankan oleh MOSTI ini dapat membawa sains kepada masyarakat awam terutamanya generasi muda bagi menggalakkan kesedaran serta pemahaman golongan ini terhadap sains secara holistik.

Sekian, terima kasih.